



**SOARING
UPWARDS**
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



Analisis Akhlaq Mahmudah dalam Hutang : Kajian Terhadap Kakitangan Di UiTM Malaysia

Dr. Mohd Kamal Azman Jusoh^{1*}, Azizi@Hamizi Hashim², Asjad Mohamed³,
Muhammad Muzakkir Othman⁴, Wan Azmi Wan Ahmad⁵, Mohamad Sabri Yusoh⁶

^{1,3,4,5} Academy of Contemperory Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
mkamalazman@pahang.uitm.edu.my, asjad@pahang.uitm.edu.my,
ziekir@pahang.uitm.edu.my, wanazmi@pahang.uitm.edu.my

² Faculty of Accountancy, Universiti Teknologi MARA Pahang,
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Razak Jengka, Pahang, Malaysia
²azizih@pahang.uitm.edu.my

⁶Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang
Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak, Jengka, Pahang
arifnazihah@yahoo.com.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Keharusan berhutang dalam Islam disyaratkan dengan kemampuan untuk membayar dan mengelakkan hutang tertunggak. Pada tahun 2014, jumlah hutang tertunggak bagi isirumah di Malaysia sebanyak RM7.3 bilion. Hutang yang tidak dibayar akan menyebabkan berlaku kes-kes muflis. Kewujudan kes-kes muflis selain mencemarkan imej sektor awam, juga memberi kesan kepada individu yang terbabit antaranya hilang kemudahan pencen apabila bersara. Fenomena ini adalah menakutkan memandangkan konsep hutang dalam Islam telah dibincangkan dengan panjang lebar dalam fiqh Islam. Ia meletakkan asas utama dan juga pedoman kepada penghutang dan pemiutang Islam. Namun konsep yang sebegini sempurna tidak akan bermanfaat jika tidak difahami dengan mendalam oleh pihak yang terlibat. Dengan itu satu kajian perlu dilakukan untuk mengenalpasti sejauhmanakah kefahaman kakitangan kerajaan terhadap konsep akhlaq mahmudah dalam hutang piutang yang ditetapkan oleh Islam. Kakitangan kerajaan dalam tulisan ini difokuskan kepada kakitangan kerajaan yang beragama Islam di UiTM. Data dalam tulisan ini diperolehi dari soal selidik melibatkan 690 responden di UiTM Shah Alam, Pahang dan Pulau Pinang yang terdiri dari kakitangan akademik dan pentadbiran. Data dianalisis menggunakan *Statistical Package for Social Science* (SPSS). Dapatan menunjukkan pembolehubah lokasi tidak mempunyai perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman konsep akhlaq mahmudah.

Kata Kunci: Akhlaq Mahmudah, Kakitangan UiTM

1. Pendahuluan

Di zaman sekarang, fenomena berhutang sudah menjadi lumrah dalam kehidupan. Malah ada yang beranggapan hanya dengan berhutang sahaja mereka dapat memenuhi keperluan hidup seharian. Dengan gaya kehidupan moden sekarang yang kompleks, keperluan dan kehendak manusia semakin bertambah. Kecanggihan transaksi sekarang seperti pengenalan kad kredit dan pelbagai kemudahan skim bayaran ansurans memudahkan masyarakat berhutang. Ditambah pula dengan tarikan-tarikan dan promosi dari institusi kewangan yang menawarkan pembiayaan hutang menyebabkan masyarakat mudah terpengaruh untuk berhutang sehingga ada penghutang yang terjerat ke kancuh hutang yang serius terutama bagi penghutang yang terlalu mengikut nafsu dan tidak mempunyai perancangan dalam berhutang. Pada tahun 2010 hutang isi rumah masyarakat Malaysia adalah tertinggi di Asia meningkat sebanyak 76.7% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dari tahun 2009 (Utusan Malaysia, 2010). Ia makin meningkat pada tahun 2011 dengan peningkatan sebanyak 5% dari tahun 2010. Didapati dalam tahun 2014, terdapat jumlah hutang tertunggak bagi isirumah di Malaysia berjumlah RM7.3 bilion. Jenis hutang yang terlibat ialah hutang kad kredit dan pembiayaan peribadi (The Star, 2015). Kesan peningkatan ini akan menyebabkan berlakunya masalah pembayaran hutang

dalam masyarakat. Apabila hutang tidak dibayar kes-kes kemuflihan akan meningkat. Kes-kes keberhutangan yang serius telah memberi imej buruk kepada perkhidmatan awam di Malaysia. Berdasarkan Pengurusan Tata tertib Perkhidmatan Awam (Jabatan perkhidmatan Awam, 1993) suku pertama tahun 2009 iaitu dari Januari hingga Mac 2009 terdapat kes-kes melibatkan kesalahan keberhutangan kewangan yang serius. Sebanyak 80% kes keberhutangan yang serius melibatkan kumpulan sokongan, manakala sebanyak 20% melibatkan kumpulan pengurusan dan profesional. Lebih memburukkan keadaan, pada tahun yang sama seramai 1,086 penjawat awam telah diishtiharkan bangkrup oleh Jabatan Insolvensi dengan 72.74% adalah dari kalangan lelaki (Utusan Malaysia, 2011). Kewujudan kes-kes muflis selain mencemarkan imej sektor awam, ia juga memberi kesan besar kepada individu yang terbabit. Kakitangan awam yang muflis akan hilang kemudahan pencen apabila bersara (Utusan Malaysia, 2011).

Persoalan hutang yang berlaku dalam kehidupan manusia sudah lama dibincangkan di dalam muamalat Islam. Konsep hutang perlu difahami oleh penghutang Islam sebelum mereka terlibat dalam berhutang. Akhlaq mahmudah adalah sebahagian daripada konsep hutang Islam mampu menjadi panduan berguna untuk penghutang. Dengan kefahaman yang baik ia akan menjadikan kehidupan penghutang sentiasa dalam kebahagiaan di dunia mahupun di akhirat.

2. Konsep Akhlaq Mahmudah dalam Hutang Islam

Islam adalah agama yang sempurna dalam pelbagai perkara telah menyediakan panduan dalam urusan hutang piutang. Panduan ini berkait sama ada pihak penghutang mahupun pemiutang. Penghutang hendaklah memiliki sifat mahmudah melebihi dari pemiutang kerana tanggungjawab berat yang dipikul dari hutangnya. Oleh itu penghutang hendaklah berhati-hati dalam amalan berhutang dan mengamalkan akhlaq mahmudah ini. Akhlaq mahmudah adalah akhlaq yang baik dan mulia yang menjadikan nilai seseorang manusia itu tinggi dan agung (Mohd Sulaiman Hj Yasin, 1992) yang sesuai dengan sifat khalifah di muka bumi. Segala tingkahlaku yang baik tergolong di dalam akhlaq mahmudah seperti mengawal nafsu, benar, jujur, ikhlas, qanaah, malu (Humaidi Tatapangrasa, 1981) dan lain-lain. Antara akhlaq mahmudah dalam berhutang bagi penghutang Islam ialah :

- 2.1 Berazam Untuk Membayar Hutang
- 2.2 Bersikap Baik Ketika Membayar Hutang
- 2.3 Berhutang Untuk Keperluan Kehidupan
- 2.4 Tepati Janji Dan Tidak Menangguhkan Bayaran
- 2.5 Mendoakan Kesejahteraan Pemiutang

2.1 Berazam untuk Membayar Hutang

Penghutang yang baik sentiasa berazam untuk menjelaskan hutangnya. Seseorang yang ingin berhutang sudah tentu mengetahui kemampuan membayar hutang. Menurut Ibn al-Manayyar, jika seseorang berhutang sedangkan beliau tidak mampu membayar, maka sebenarnya penghutang tersebut mengambil harta orang lain dan tidak mahu membayarnya (al-Asqalani, 2000). Seseorang yang berhutang dan berazam untuk membayarnya, insya'Allah akan ditolong oleh Allah S.W.T sebagaimana hadith Rasulullah S.A.W (Bukhari, 2000):

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْأَوْيسِيُّ حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ بِلَالٍ عَنْ
ثَوْرِ بْنِ زَيْدٍ عَنْ أَبِي الْعَيْثِ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - عَنْ
النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ « مَنْ أَخَذَ أَمْوَالَ النَّاسِ يُرِيدُ
أَدَاءَهَا أَدَّى اللَّهُ عَنْهُ ، وَمَنْ أَخَذَ يُرِيدُ إِثْلَاقَهَا أَثْلَفَهُ اللَّهُ »

Maksudnya:

“Dari Abu Hurairah R.A, dari Nabi S.A.W, baginda bersabda, “Barangsiapa mengambil harta manusia dan ingin membayarnya, maka Allah akan [menolong] untuk membayarnya; dan barangsiapa mengambilnya dan ingin membinasakannya, maka Allah akan (menolong) untuk membinasakannya”.

(Riwayat Bukhari)

Maksud “mengambil harta orang lain” dalam hadith di atas adalah merujuk kepada mengambil harta dengan cara hutang. Manakala maksud “menunaikan” pula merujuk kepada menjelaskan hutang (al-San’ani, 1995). Dengan keazaman dan kesungguhan, Allah S.W.T akan memberi kemudahan kepada penghutang untuk menjelaskan hutangnya. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W diriwayatkan oleh Ibn. Majah, Ibn. Hibban dan Hakim (al-San’ani, 1995):

مَا مِنْ مُسْلِمٍ يَدَّانُ دَيْنًا يَعْلَمُ اللَّهُ مِنْهُ أَنَّهُ يُرِيدُ آدَاءَهُ إِلَّا آدَاهُ اللَّهُ عَنْهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ

Maksudnya:

“Tidaklah seorang muslim berhutang kepada orang lain, dan Allah mengetahui bahawa ia berniat untuk melunasinya, melainkan Allah akan melunasi hutangnya di dunia dan akhirat”.

(Riwayat Ibn Majah, Ibn. Hibban dan Hakim)

Seseorang yang berhutang tanpa keperluan tetapi untuk menghancurkan atau menghabiskan harta orang lain dan bermaksud tidak mahu membayar hutangnya, maka Allah akan membalas tindakan tersebut. Kehidupan penghutang tersebut akan disusahkan kehidupannya dan tiada keberkatan dalam kehidupan dunia. Manakala di akhirat nanti akan disiksa oleh Allah S.W.T. (al-San’ani, 1995).

2.2 Bersikap Baik ketika Membayar Hutang

Sikap baik semasa membayar hutang akan lebih mengeratkan hubungan antara penghutang dan pemiutang. Penghutang sememangnya perlu bersikap baik dalam membayar hutangnya kerana kebaikan yang telah diberikan oleh pemiutang kepadanya. Dengan sikap baik ini secara tidak langsung menunjukkan kesyukuran dan terima kasih kepada pemiutang. Bersikap baik dalam membayar hutang telah dianjurkan oleh Rasulullah S.A.W. Sabda Baginda (Bukhari, 2000):

حَدَّثَنَا أَبُو نُعَيْمٍ حَدَّثَنَا سُفْيَانُ عَنْ سَلَمَةَ عَنْ أَبِي سَلَمَةَ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ كَانَ لِرَجُلٍ عَلَى النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - سِنٌَّ مِنَ الْإِبِلِ فَجَاءَهُ يَتَقَاضَاهُ فَقَالَ « أَعْطُوهُ » . فَطَلَبُوا سِنَّهُ فَلَمْ يَجِدُوا لَهُ إِلَّا سِنًّا فَوْقَهَا. فَقَالَ « أَعْطُوهُ » . فَقَالَ أَوْفَيْتَنِي أَوْفَى اللَّهُ بِكَ . قَالَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - « إِنَّ خِيَارَكُمْ أَحْسَنُكُمْ قَضَاءً »

Maksudnya:

“Dari Abu Hurairah R.A, dia berkata, “ Seseorang memiliki hutang dengan Nabi S.A.W seekor unta dengan umur tertentu, lalu dia datang kepada baginda untuk menerima bayarannya. Maka Nabi S.A.W bersabda “Berilah kepadanya unta yang sama umur dengan untanya”. Namun mereka tidak menemui unta yang sama umur kecuali yang lebih tua. Baginda bersabda “Berilah kepadanya!”. Orang itu berkata, “Engkau tunaikan untukku, Allah akan menunaikan untukmu”. Nabi S.A.W bersabda “Sesungguhnya sebaik-baik kamu adalah yang paling baik dalam membayar hutang”.

(Riwayat Bukhari)

Hadith di atas menjelaskan bahawa antara amalan penghutang yang baik adalah dengan membayar lebih dari apa yang dihutangkan. Namun lebih dari apa yang dihutangkan tidak boleh ditetapkan dalam aqad hutang kerana ianya akan menjadi riba. Pemberian lebih ini perlu dilakukan apabila selesai pembayaran dan dilarang sebelum berlaku pembayaran hutang (al-Syaukani, t.t).

Imam al-Ghazali membincangkan cara yang baik dalam membayar hutang ialah penghutang itu sendiri pergi mendapatkan pemiutang. Tindakan ini memberi kemudahan kepada pemiutang dan elakkan dari pemiutang datang berkali-kali untuk mendapatkan hutangnya. Penghutang pula apabila mempunyai wang hendaklah membayar hutang walaupun belum sampai tempoh bayarannya (al-Ghazali, 1998).

2.3 Berhutang untuk Keperluan Kehidupan

Akhlaq yang baik dalam muamalat hutang ialah berhutang sekadar untuk memenuhi keperluan atau melepaskan kesulitan dalam kehidupan seharian. Penghutang yang menggunakan hutang untuk mendapatkan harta yang bukan keperluan seperti berhutang membeli kereta baru sedangkan kereta yang lama masih elok dan boleh memenuhi keperluan harian, adalah tidak wajar. Amalan berhutang untuk keperluan sahaja amat penting demi maruah diri seseorang. Dalam Islam taraf penghutang walau setinggi manapun kedudukannya tetap berada di bawah pemiutang. Oleh itu tidak wajar seseorang merendahkan kedudukannya dan harga diri dengan berhutang tanpa keperluan yang sebenar.

Tahap keperluan untuk berhutang berbeza dari individu dengan individu yang lain untuk melayakkannya berhutang. Terdapat banyak faktor antaranya gaya hidup individu, bilangan ahli keluarga, lokasi kawasan, faktor persekitaran dan lain-lain. Untuk menentukan tahap keperluan berhutang, maka asas keperluan minimum manusia perlu dibincangkan. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menyentuh tentang tahap keperluan dalam kehidupan. Ringkasnya tahap keperluan seseorang manusia secara minimum yang dibincangkan dalam al-Quran ialah makanan, minuman, pakaian, perhiasan, perabut dan kenderaan. Begitu juga keperluan untuk perlindungan seperti persenjataan dan keperluan untuk hidup berpasangan iaitu perkahwinan. Keperluan-keperluan ini tidak dibincangkan secara terperinci di dalam al-quran yang bersesuaian penurunannya secara umum untuk membolehkan manusia menyesuaikan keperluan kehidupan dalam pelbagai tempat, masa, jenis bangsa dan lain-lain kepelbagaian.

Hadith-hadith yang datang dari Rasulullah S.A.W adalah penguat kepada al-quran tentang persoalan keperluan kepada hidup. Antaranya hadith yang diriwayatkan oleh (al-Tirmidzi, 2000) :

حَدَّثَنَا عَبْدُ بْنُ حُمَيْدٍ حَدَّثَنَا عَبْدُ الصَّمَدِ بْنُ عَبْدِ الْوَارِثِ حَدَّثَنَا حُرَيْثُ بْنُ السَّائِبِ قَالَ سَمِعْتُ الْحَسَنَ يَقُولُ حَدَّثَنِي حُمْرَانُ بْنُ أَبَانَ عَنْ عُثْمَانَ بْنِ عَفَانَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ « لَيْسَ لِابْنِ آدَمَ حَقٌّ فِي سِوَى هَذِهِ الْخِصَالِ بَيْتٌ يَسْكُنُهُ وَتَوْبٌ يُوَارِي عَوْرَتَهُ وَجِلْفٌ الْخُبَيْرِ وَالْمَاءِ »

Maksudnya :

“Dari Uthman bin Affan R.A , sesungguhnya Rasulullah S.A.W bersabda “Anak Adam tidak memiliki hak selain perkara-perkara berikut: rumah yang didiaminya, pakaian untuk menutup auratnya, roti kering dan air”.

(Riwayat at-Tirmidzi)

Mengikut Imam al-Ghazali hadith ini adalah dalil untuk menentukan tahap keperluan asas dalam kehidupan yang merangkumi makanan, minuman, tempat tinggal dan segala keperluan yang berkaitan dengan kehidupan (Abdullah Lam, 2003). Selain dari keperluan tadi Rasulullah S.A.W juga menekankan perkara-perkara lain dalam keperluan seharian meliputi pendidikan, perkahwinan dan menjaga kesihatan dengan mencari ubat apabila sakit. Berdasarkan kepada dalil-dalil di atas dapat dirumuskan bahawa tahap keperluan asas tidak ditetapkan secara mutlak di dalam Islam kerana keperluan asas ini berbeza mengikut masa, tempat dan masyarakat. Justeru menjadi peranan pemerintah untuk menentukan tahap keperluan yang tepat berdasarkan pertimbangan dari pakar ekonomi, fiqh dan juga pakar sosial (Abdullah Lam, 2003).

2.4 Tepati Janji dan Tidak Menangguhkan Bayaran

Penghutang yang baik akan sentiasa memenuhi janjinya. Memenuhi janji adalah salah satu sifat siddiq (benar) yang lahir dari dalam jiwa manusia. Menepati janji adalah sifat yang mulia yang menyebabkan seseorang itu dipercayai dan diyakini. Rasulullah S.A.W yang digelar al-amin semasa sebelum dilantik menjadi rasul telah mengamalkan sifat menepati janji dalam menunaikan hutang dan tidak menangguhkan bayaran. Peristiwa ini berlaku yang diceritakan oleh Abdullah bin Abi al-Hamsa' yang menjadi pemiutang kepada Rasulullah S.A.W (Abi Daud, 2010).

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى بْنِ فَارِسِ النَّيْسَابُورِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ سِنَانٍ حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ طَهْمَانَ عَنْ بُدَيْلٍ عَنْ عَبْدِ الْكَرِيمِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ شَقِيقٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي الْحَمْسَاءِ قَالَ بَايَعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ -بِئْتِغِ قَبْلَ أَنْ يُبْعَثَ وَبَقِيَتْ لَهُ بَقِيَّةٌ فَوَعَدْتُهُ أَنْ آتِيَهُ بِهَا فِي مَكَانِهِ فَتَسَيِّتُ ثُمَّ دَكَرْتُ بَعْدَ ثَلَاثٍ فَجِئْتُ فَإِذَا هُوَ فِي مَكَانِهِ فَقَالَ « يَا فَتَى لَقَدْ شَقَقْتَ عَلَيَّ أَنَا هَا هُنَا مُنْذُ ثَلَاثٍ أَنْتَظِرُكَ »

Maksudnya:

“Dari Abdullah bin Abi al-Hamsa' berkata “Saya telah menjual sesuatu kepada Nabi S.A.W semasa baginda belum diutuskan menjadi Rasul, dan masih ada lagi baki harganya yang belum dijelaskan kepada saya. Saya berjanji akan datang ke

tempatya, tetapi telah terlupa, kemudian selepas tiga hari barulah saya teringat, maka saya pun segera ke tempat yang dijanjikan. Saya dapati Nabi masih ada di tempat itu, lalu Nabi berkata : Hai orang muda! Sesungguhnya engkau menyusahkan saya, sejak tiga hari saya di sini kerana menunggu kamu”.

(Riwayat Abi Daud)

Hadith di atas menunjukkan sikap menepati janji Rasulullah S.A.W yang cukup tinggi. Walaupun selama tiga hari baginda sanggup menantikan pemiutang kerana janji yang telah dibuat antara baginda dengan Abdullah bin Abi al-Hamsa'. Sikap yang ditunjukkan oleh baginda adalah sikap orang yang bertamaddun dan sikap inilah antara faktor yang memberikan kejayaan kepada dakwah baginda juga menjadi ketinggian dan kemajuan masyarakat Islam (Mohd Sulaiman Hj Yasin, 1992).

2.5 Mendoakan Kesejahteraan Pemiutang

Penghutang yang baik hendaklah mengucapkan penghargaan kepada pemiutang kerana kemurahannya memberikan hutang kepada penghutang. Budi pemiutang yang baik ini boleh dibalas dengan mendoakan kesejahteraan pemiutang. Walaupun penghutang tidak dapat membalas kebaikan pemiutang dengan wang ringgit atau pun harta, namun dengan doa ini akan dapat membahagiakan pemiutang. Rasulullah S.A.W sendiri telah mendoakan kesejahteraan keluarga dan harta bagi pemiutang yang memberikan hutang kepada baginda. Sabda Rasulullah S.A.W (al-Nasa'i, 2000):

حَدَّثَنَا عَمْرُو بْنُ عَلِيٍّ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّحْمَنِ عَنْ سُفْيَانَ عَنْ
إِسْمَاعِيلَ بْنِ إِبْرَاهِيمَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي رَبِيعَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنْ جَدِّهِ قَالَ
اسْتَفْرَضَ مِنِّي النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَرْبَعِينَ أَلْفًا فَجَاءَهُ مَالٌ
فَدَفَعَهُ إِلَيَّ وَقَالَ « بَارَكَ اللَّهُ لَكَ فِي أَهْلِكَ وَمَالِكَ إِنَّمَا جَزَاءُ السَّلْفِ
الْحَمْدُ وَالْأَدَاءُ ».

Maksudnya:

“Dari Ismail Ibn. Ibrahim Ibn. Abdullah Ibn. Abu Rabiah dari ayahnya dari datuknya menyatakan: “ Rasulullah S.A.W pernah berhutang sebanyak empat puluh ribu dariku; Ketika baginda datang padaku untuk membayar hutang itu, baginda mendoakanku: “Semoga Allah mengurniakan keberkatan kepadamu, keluargamu dan hartamu. Sesungguhnya balasan bagi suatu hutang ialah ucapan terima kasih dan pembayarannya”.

(Riwayat an-Nasa'i)

Amalan baik dengan mendoakan kesejahteraan pemiutang akan lebih mengeratkan hubungan antara pemiutang dan penghutang. Bantuan yang diberikan kepada penghutang akan diberikan dari masa ke semasa. Ini menunjukkan bahawa muamalat hutang Islam dapat menjadikan manusia sentiasa bekerjasama dan konsep bahagia akan wujud hasil perhubungan muamalat ini.

3. Skop kajian

Skop kajian melibatkan kakitangan yang bekerja di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Ia dapat diringkaskan seperti berikut:

- a. **Kawasan:** Melibatkan kakitangan awam yang bekerja di UiTM Pahang, UiTM Pulau Pinang dan UiTM Shah Alam.
- b. **Kategori:** Melibatkan semua kumpulan iaitu dari Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA), Pengurusan & Profesional dan Sokongan iaitu Kategori A, B, C dan D.
- c. **Kajian:** Kajian melibatkan kefahaman konsep hutang Islam dan amalan berhutang kakitangan awam di UiTM.

Secara umumnya justifikasi pemilihan UiTM sebagai skop kajian kerana UiTM adalah sebahagian dari sistem kerajaan yang mengandungi kepelbagaian jawatan di dalamnya, majoriti kakitangan Melayu yang beragama Islam dan lokasi yang menyeluruh di Malaysia. Ia seolah-olah sebuah kerajaan kecil yang berpusat di Shah Alam yang menjalankan dasar-dasar utama dan juga mempunyai cawangan-cawangan di seluruh Malaysia yang juga mempunyai kuasa autonomi yang tertentu. Lokasi yang pelbagai sama ada kawasan luar bandar, pinggir bandar dan bandaraya yang membolehkan dilakukan perbandingan yang akan menghasilkan keputusan yang menarik. Justifikasi secara khusus seperti berikut:

- a. Komposisi pembahagian kumpulan jawatan kakitangan awam iaitu kumpulan JUSA, Pengurusan dan Professional serta kumpulan sokongan terdapat di UiTM. Di dalam struktur kumpulan jawatan kakitangan awam yang lain juga terdiri dari komponen yang sama.
- b. Gred Gaji dari Pekerja Am Rendah (PAR) hinggalah kepada tahap JUSA dengan jumlah pendapatan bulanan tertentu yang ada di UiTM menyamai gred gaji serta jumlah pendapatan kakitangan awam yang lain.
- c. UiTM Pahang, UiTM Pulau Pinang dan UiTM Shah Alam dipilih bagi mewakili sosio ekonomi yang berbeza. UiTM Pahang di kawasan Jengka berdasarkan sosio ekonomi pendalaman iaitu kawasan felda yang juga mewakili kawasan luar bandar. UiTM Pulau Pinang yang terletak di Permatang Pauh berdasarkan sosio ekonomi kawasan pinggir bandar. Manakala UiTM Shah Alam mewakili sosio ekonomi bandaraya.

4. Sampel dan Metodologi Kajian

Sampel kajian menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata (*stratified random sampling*). Sampel yang dipilih adalah berdasarkan kaedah persampelan rawak berlapis (*Stratified Random Sampling*) melibatkan kakitangan pentadbiran dan kakitangan akademik. Persampelan rawak berlapis adalah lebih tepat jika mempunyai sub kumpulan berbeza dan ralat persampelannya lebih kecil berbanding persampelan rawak mudah (Chua Yan Piaw, 2006). Jumlah populasi ketiga-tiga kampus yang dikaji ialah 7,710 orang. Pecahan ketiga-tiga kampus adalah seperti berikut:

- | | | |
|----|---------------------------------------|---------|
| a. | Populasi kakitangan UiTM Shah Alam | : 6,154 |
| b. | Populasi kakitangan UiTM Pahang | : 754 |
| c. | Populasi kakitangan UiTM Pulau Pinang | : 802 |

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan, jika jumlah populasi adalah seramai 8,000 maka minimum sampel yang diperlukan adalah sebanyak 367 (Krejcie & Morgan, 1970). Kiraan setiap kumpulan adalah seperti berikut, $367 / 7710 \times 100 = 4.76 \%$. Oleh itu setiap

kumpulan di setiap kampus akan diedar soal selidik mengikut jumlah 4.76 % dari populasi yang terlibat. Secara ringkas pecahan jumlah sampel berdasarkan jadual 1 di bawah:

Jadual 1. Jumlah Sampel Kajian

Kampus UiTM	Akademik	Pentadbiran	Jum	4.76 % Akademik	4.76 % Pentadbiran	Jum
Shah Alam	2,744 (44.5%)	3,410 (55.5%)	6,154	130 (44.5%)	162 (55.5%)	292
Pahang	414 (55%)	340 (45%)	754	20 (55%)	16 (45%)	36
Pulau Pinang	454 (56%)	348 (44%)	802	22 (56%)	17 (44%)	39
Jumlah Populasi			7,710	Jumlah Sampel		367

Edaran sebenar soal selidik melebihi dari jumlah minimum sampel iaitu 831 tetapi sebanyak 690 sahaja yang boleh dianalisis. Pembinaan soal selidik berdasar perbincangan dengan pakar yang terlibat. Kajian rintis menunjukkan tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah *Cronbach's Alpha* 0.714. Soal selidik mengandungi soalan-soalan berkaitan akhlaq mahmudah berdasar skala Likert. Ia dianalisis kepada tiga tahap, iaitu:

- i. Skor min 1.00 hingga 2.33 adalah tahap kefahaman yang rendah
- ii. Skor min 2.34 hingga 3.67 adalah tahap kefahaman yang sederhana
- iii. Skor min 3.68 hingga 5.00 adalah tahap kefahaman yang tinggi

5. Analisis Kefahaman Kakitangan terhadap Konsep Akhlaq Mahmudah Berdasarkan Lokasi

Berdasarkan jadual 2, analisis ANOVA sehalu menunjukkan lokasi responden tidak mempunyai perbezaan yang signifikan ($F = 2.534$, $df = 2, 687$, $sig = 0.080$).

Jadual 2. Kefahaman Konsep Akhlaq Mahmudah Berdasar Lokasi

Pembolehubah		Min Skor (Mahmudah)	Sisihan Piawai	Saiz Sampel	Ujian-F	Sig.
Lokasi	UiTM Shah Alam	3.95	0.488	525	2.534	0.080
	UiTM Pahang	4.05	0.502	84		
	UiTM Pulau Pinang	4.04	0.448	81		

* Menandakan signifikan pada aras $\alpha = 0.05$

Hasil analisis menunjukkan lokasi responden tidak mempengaruhi tahap kefahaman akhlaq mahmudah. Dapat dirumuskan bahawa terdapat elemen lain yang mempengaruhi tahap

kefahaman kakitangan UiTM seperti tahap pendidikan, pengalaman dalam pengurusan kewangan dan lain-lain yang memerlukan kajian yang lain.

6. Rumusan

Agama Islam yang bersifat sempurna menyediakan panduan berhutang yang mengambil kira aspek keduniaan dan akhirat. Paling penting panduan akhlaq mahmudah dalam hutang Islam bersifat pencegahan hutang yang serius dan tidak menggalakkan menambahkan hutang yang tidak diperlukan. Sifat mencegah adalah lebih baik dari mengubati. Namun keberkesanan panduan hutang secara Islam bergantung kepada kefahaman umat Islam terhadap konsep hutang dalam Islam. Jika kefahaman terhadap hutang Islam tidak sempurna maka manfaatnya tidak akan dinikmati oleh umat Islam dan masalah keberhutangan masih tidak dapat diselesaikan.

Hasil kajian ini berjaya membuktikan secara empirikal bahawa kefahaman seseorang penghutang tidak berkaitan dengan lokasi seseorang sama ada di bandaraya, luar bandar, mahupun pinggir bandar. Dengan itu masalah hutang boleh berlaku di semua kawasan atau lokasi jika penghutang tidak mengambil langkah yang berhati-hati. Namun kajian yang lanjut perlu dilakukan untuk melihat kaitan antara kefahaman dan amalan dalam hutang mengikut akhlaq mahmudah dalam Islam berdasar pembolehubah yang lain seperti tahap pendidikan, aliran pendidikan, umur, status perkahwinan dan lain-lain.

6. Bibliografi

- Al-Quran.
- Abdullah Lam bin Ibrahim. (2003). *Ahkam al-Aghniya'*. Cet.1. Dar al-Nafais: Jordan.
- Abi Daud. (2000). *Sunan Abi Daud dalam Mausuat Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Cet. 3. Dar al-Salam: Arab Saudi.
- Ahmad Ali bin Hajar al-Asqalani. (2000). *Fath al-Bari bi Syarah Sahih Bukhari*. Jil 5. Dar al-Hadith: Qaherah.
- Al-Nasa'i. (2000). *Sunan al-Nasa'i dalam Mausuat Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Cet. 3. Dar al-Salam: Arab Saudi.
- Al-Syaukani. (T.T). Mohd bin Ali bin Mohd al-Syaukani *Nail al-Authar*. Jil. 5. Maktabah Dar al-Turath: Qaherah.
- Bukhari. (2000). *Sahih Bukhari dalam Mausuat Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Cet. 3. Dar al-Salam: Arab Saudi.
- Humaidi Tatapangarsa. (1981). *Akhlaq Yang Mulia*. Pustaka Singapura PTE: Singapura.
- Ibn Majah. (2000). *Sunan Ibn. Majah dalam Mausuat Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Cet. 3. Dar al-Salam: Arab Saudi.
- Imam Abi Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali. (1998). *Ihya' Ulumuddin*. Jil.3. Maktabah Misr: Mesir.
- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (2000). Pengurusan Tatatertib Perkhidmatan Awam berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj).
- Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon. (2009). *Introduction To Statistical Analysis In Social Sciences Research*. Jil 1. Ventom Publishing: Selangor.
- Mohd Sulaiman Hj Yasin. (1992). *Akhlaq dan Tasawuf*, Mas'adah (M) Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.
- Muhammad bin Ismail al-Amir al-Yamani al-San'ani. (1995). *Subul al-Salam*. Jil 3. Dar al-Fikr.
- Misnan Jemali. (2008). *Amalan Pengajaran Guru dalam Pengajaran dan Pembelajaran Tilawah Al-Qur'an Sekolah-Sekolah Menengah*. Thesis Ph.D Fakulti Pendidikan, UKM. Bangi.
- Rudzi Munap. (2003). *Penilaian Program Diploma Kesetiausahaan Eksekutif di Universiti Teknologi MARA*. Thesis Ph.D Fakulti Pendidikan, UKM. Bangi.

The Star, Mac 2015.

Tirmidzi. (2000). *Jami' al-Tirmidzi dalam Mausuat Hadith al-Syarif al-Kutub al-Sittah*. Cet. 3.

Dar al--Salam. Arab Saudi.

Utusan Malaysia: 20 Oktober 2010, 3 Mac 2011, 29 Mac 2011 & 30 Mac 2011.

Zulkarnain Zakaria & Hishamuddin Md. Som. (2001). *Analisis Data Menggunakan SPSS Windows*, Universiti Teknologi Malaysia: Johor.